

♥11/02/19-09MST

CNS9804

U PB 11-02 00156 BA683

aab

Mahathir - Sabah '''

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau belum mendapat maklumat rasmi mengenai keputusan anggota Dewan Undangan Negeri dan anggota Parlimen USNO semalam untuk tidak menyertai UMNO jika Tun Datu Mustapha Harun tidak dilantik mengetuai UMNO Sabah.

+Saya belum mendapat maklumat rasmi lagi. Saya tidak mahu komen,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita ketika ditemui di bangunan Parlimen.

Semalam, anggota Dewan Undangan Negeri dan anggota Parlimen USNO mengadakan mesyuarat dan memutuskan untuk tidak menyertai UMNO jika Tun Datu Mustapha, presiden USNO yang menjadi penggerak utama kemasukan UMNO ke Sabah, tidak dilantik mengetuai UMNO negeri itu.

Mereka juga memutuskan untuk menghantar memorandum mengenai hal itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir.

Sabtu lepas, Datuk Seri Dr Mahathir mengumumkan perlantikan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, yang juga Timbalan Presiden Umno untuk mengetuai badan perhubungan Umno Sabah.-- Lagi

♥11/02/19-50MST

CNS9805

U PB 11-02 00103 BA684

aab

Mahathir - Sabah 2 Kuala Lumpur '''

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika diminta mengulas perkembangan terbaru itu, berkata ia harus diselidiki dahulu.

Bagaimanapun beliau berkata perlantikan Ketua Perhubungan UMNO Negeri adalah hak Presiden parti.

+Biarlah dulu Encik Ghafar melaksanakan tugas meletakkan asas bagi UMNO ke Sabah sebelum menyerahkan kepimpinan UMNO kepada tokoh-tokoh dari negeri itu,+ tambahnya.

Beliau berkata seharusnya perlantikan Encik Ghafar itu diterima baik oleh penyokong UMNO di Sabah.

Seorang lagi naib presiden UMNO, Datuk Abdullah Ahmad Badawi enggan mengulas sehingga mendapat maklumat lengkap. -- Bernama

♥11/02/19-50MST